

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
KUBANG KERIAN, KOTA BHARU KELANTAN

OLEH

HASLINDA BINTI MAT GHANI

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

1100039797



LI 19 FPE 1 2005



1100039797  
Laporan akhir latihan industri di Hospital Universiti Sains  
Malaysia / Haslinda Mat Ghani.

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039797		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KUBANG  
KERIAN, KOTA BHARU KELANTAN**

**Oleh :**

**HASLINDA BINTI MAT GHANI  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039797**

## SENARAI KANDUNGAN

### SENARAI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>Pengesahan Keaslian Laporan</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>BAB 1 : Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Objektif Latihan Industri	1
<b>BAB 2 : Latar Belakang Hospital Universiti Sains Malaysia</b>	<b>3</b>
2.1    Pengenalan	3
2.2    Maklumat Organisasi	4
2.3    Objektif Hospital	5
2.4    Objektif Unit	6
2.5    Fungsi atau Peranan	6
2.6    Perkhidmatan yang diselenggarakan	7
2.7    Klafikasi pesakit yang menerima rawatan	7
2.8    Lembaga Pengarah	9
2.9    Aktiviti Organisasi dan Prosedur	10
2.10   Carta Organisasi	25
2.11   Kemahiran yang dipelajari	26
<b>BAB 3 : Mengenalpasti Masalah</b>	<b>28</b>

3.1	Pengenalan	28
3.2	Mengesan sistem sedia ada	28
3.3	Analisis dan perbincangan	31
3.4	Langkah-langkah yang perlu diambil	32

**BAB 4 : PENUTUP** **33**

RUJUKAN

LAMPIRAN



## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya HASLINDA BINTI MAT GHANI (UK 8315)

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : HASLINDA BINTI MAT GHANI

Tarikh: 20 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh:



**Penyelia KUSTEM  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah S.W.T yang maha Pemurah dan Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta sahabat-sahabat baginda sekalian.

Bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan latihan amali dan industri dengan jayanya bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Polisi Dan Sekitaran Sosial di KUSTEM. Dengan usaha tidak pernah kenal erti jemu serta batuan daripada rakan-rakan seperjuangan yang lain, akhirnya dapat juga menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan.

Kepada penyelia saya Dr. Asyraf bin Abdul Rahman. Atas bantuan dan tunjuk ajar dan akhir sekali kepada rakan-rakan yang memberi pendapat, tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan ini.

Dikesempatan ini juga ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam membantu terutamanya Pihak kakitangan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian kerana menerima saya untuk menjalani latihan praktikum selama 3 bulan. Dengan bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan. Tanpa bantuan mereka mustahil kami dapat menyiapkan laporan ini.

Tidak lupa kepada penyelia kami En. Sharai Ibrahim dan kakitangan Unit Kebajikan Perubatan Hospital kerana kesudian mereka dalam membantu kami. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan Hospital Universiti Sains Malaysia.

Terima Kasih.



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Latihan industri merupakan satu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Melalui latihan industri ini pelajar akan ditempatkan di agensi awam ataupun swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan juga penglibatan secara langsung dalam bidang pekerjaan. Pada masa yang sama juga, pelajar berpeluang mempelajari aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi.

### 1.2 Objektif Latihan Industri

Semasa menjalani latihan industri antara perkara yang telah pelajar dapat pelajari ialah

- Pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing.
- Mengaplikasikan teori yang telah dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan

- Menjalin dan mengekalkan hubungan alam profesioanal dalam bidang masing-masing
- Memahami nilai etika profesional
- Menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduati nanti.

## **BAB2**

### **LATAR BELAKANG HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

#### **2.1 Pengenalan**

Kampus kesihatan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (HUSMCK) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1983. Ia khususnya bagi bidang perubatan dan separa perubatan. Bermula dengan HUSM, kampus ini berkembang setelah Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) dipindahkan dari kampus induk di Pulau Pinang ke kampus di Kelantan.

Projek pembangunan siap pada awal tahun 1990. Keseluruhan PPSP berpindah ke kampus induk pada Jun 1990. Ini juga detik permulaan jentera pentadbiran kampus kesihatan. Setelah itu, dua pusat pengajian yang baru menyusul iaitu Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) dan Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) menjadikan kampus kesihatan lengkap sebagai pusat pengembangan ilmu dan pakar selain daripada kemudahan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan untuk dimanfaatkan oleh kakitangan dan juga pelajar.

## **2.2 Maklumat Organisasi**

### **2.2.1 Latar Belakang**

Pada asalnya bangunan hospital ini dibina di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Penubuhannya bermula pada tahun 1980. Pada akhir tahun 1982 Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengambil alih. Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) ini telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 1983. Ia diketuai oleh seorang pengarah dan di bawahnya terdapat tiga lagi timbalan pengarah. Ia terbahagi kepada Timbalan Pengarah Pengurusan, Timbalan Pengarah Klinikal dan Timbalan Pengarah Farmasi.

Di bawah Timbalan Pengarah tersebut pula terdapat beberapa unit di bawahnya dan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah dan Penyelaras. Bagi Timbalan Pengarah Klinikal ialah Unit Sokongan Klinikal, Unit Rekod Perubatan, Jabatan-jabatan berasaskan perubatan, Jabatan berasaskan Surgeri, Jabatan berasaskan Makmal, dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian.

Bagi Timbalan Pengarah Farmasi ialah perkhidmatan makmal, perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan pesakit dalam dan pengurusan perolehan bekalan dan pentadbiran. Manakala di bawah Timbalan Pengarah Pengurusan pula ialah Unit Pentadbiran Am, Unit Kewangan, Unit Kebajikan Perubatan, Unit Sumber Manusia, Unit Pemakanan dan Dietetik, Unit Keselamatan dan Unit Kejuruteraan.

Terdapat juga unit-unit lain di dalam carta organisasi hospital iaitu Unit Pembangunan Korporat, Unit Pembangunan Kepakaran dan Unit Produktiviti dan

Kualiti yang diketuai oleh penyelaras. Unit Sistem Maklumat diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah dan Unit Perhubungan Awam pula diketuai oleh penolong pengarah.

Semasa menjalani latihan industri di HUSM, saya telah ditempatkan di Unit Kebajikan Perubatan. Ia telah mula beroperasi pada 1 September 1983 iaitu seusia dengan penubuhan hospital. Unit ini merupakan sebagai sebuah unit yang memberikan perkhidmatan diperingkat “secondary setting”, tumpuan perkhidmatan adalah untuk membantu pakar-pakar perubatan, pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan paramedik dalam usaha memberi rawatan yang sebaik mungkin kepada pesakit.

Hospital hanya dapat menyediakan keperluan-keperluan asas perubatan tetapi sebagai satu aspek penting bagi memelihara kesejahteraan hidup, masalah sosial dan psikososial. Selain itu juga pesakit perlu diberi perhatian kerana kedua-dua aspek ini mempunyai kaitan yang rapat dalam proses rawatan secara keseluruhannya.

### **2.3 Objektif Hospital**

- Memberi perkhidmatan kepada pesakit sama seperti perkhidmatan yang diberikan oleh hospital-hospital kerajaan yang lain.
- Mengadakan kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran
- Menyediakan kemudahan untuk tujuan penyelidikan perubatan